

# UMS layak ke separuh akhir

Oleh MOHD NURAZWAN AUGUSTINE

utusanborneokk@yahoo.com.my

UB 30-05-2012 AIS

PAPAR: Pasukan bola sepak wanita Universiti Malaysia Sabah (UMS) melakar rekod tersendiri dalam sejarah bola sepak UMS apabila layak ke separuh akhir buat pertama kalinya dalam pertandingan liga bola sepak terbuka Piala Datin Rosnah.

Pasukan UMS yang diundi dalam kumpulan A muncul naib juara selepas berhempas pulas bertemu dengan pasukan Zion.

Menurut Ketua Pasukan, Frediana Kamilis, perlawanan dengan pasukan yang lebih berpengalaman adalah sangat mencabar dan memberi pengalaman baru kepada pasukannya yang pertama kali menyertai pertandingan luar.

“Harapan pasukan adalah meneruskan dan mengekalkan prestasi tinggi ke perlawanan seterusnya,” katanya.

Pertandingan ini yang diadakan selama sebulan dan dimainkan secara sistem liga mendapat penyertaan sebanyak 10 buah pasukan iaitu Papar, Permai KK, Zion, Gemilang FC, Integrasi, Puteri Umno, JPSM FC dan lain-lain.

Sebelum itu, laluan perlawanan pasukan UMS dalam kumpulan A adalah seperti berikut, UMS vs Gemilang FC, 1-0, UMS vs Integrasi, 8-0, UMS vs Permai KK, 14-0, dan UMS vs ZION, 1-4.

Perlawanan separuh akhir nanti akan dilangsungkan pada 6 Jun 2012 di Padang Papar dan mereka bakal bertembung pasukan Puteri UMNO.

Selain itu, perlawanan lain yang bakal berlangsung ialah Pasukan Zion menentang JPSM FC.



PASUKAN UMS bergambar sebelum perlawanan.